

Falsafah dan Kebudayaan

Sejarah Pertumbuhan Ilmu Falsafah

Pertelingkahan dan perselisihan dalam sesuatu pendapat adalah perkara biasa, yang tak dapat disingkirkan lagi. Semakin banyak punca-punca kajian, semakin banyak pula perselisihan dan pertentangan antara satu dengan pendapat yang lain. Masing-masing mempunyai hujah-hujah yang tertentu bagi menguatkan pendapat mereka pun begitu juga hal-halnya dalam menentukan sejarah pertumbuhan ilmu falsafah. Ahli-ahli falsafah dan ahli-ahli sejarah masih tidak dapat memberi kata sepakat dan tetap tidak akan bersepakat tentang tempat pertumbuhan ilmu falsafah iaitu sama ada di Barat atau pun Timur.

Disusun oleh: Putera Abadi

Dalam kurun yang keempat Sebelum Masihi, seorang ahli falsafah Greek telah menetapkan bahawa ilmu falsafah adalah timbulnya di negeri Greek. Greek dianggap sebagai pentas sandiwara falsafah yang melahirkan beberapa orang jaguh-jaguh falsafah. Orang-orang Greeklah yang pertama kalinya menciptakan falsafah iaitu semenjak dari Aristot¹ meningkat sampai ke Thales dalam pertengahan yang pertama kurun yang keenam Sebelum Masihi. Pendapat ini disokong oleh golongan yang bukan sedikit daripada ahli-ahli falsafah yang kebelakangan.

Meskipun mereka telah sepakat dalam hal ini, namun mereka masih bertelingkah dalam menentukan siapakah orang yang pertama berfalsafah. Bertrand Russell mengatakan ialah Thales sebagai pelopornya. Victor Cousin mengatakan ialah Soqrāt². Dan Saint-Hilaire pula meluaskan lagi pendapatnya mengatakan ialah ketiga-tiga aliran falsafah iaitu aliran Ionia, Elea dan Pythagoras.

¹ Perkataan yang tepat ialah Aristotle

² Perkataan yang tepat ialah Socrates

Begitulah ahli-ahli falsafah kurun yang keempat (S.

M.) telah menetapkan bahawa ilmu falsafah adalah lahir di Barat; tetapi dalam kurun yang ketiga (S.M.) timbul pula seorang filosof yang bernama Diogenes Laertius mengatakan bahawa asal ilmu falsafah ialah lahirnya di sebelah Timur, bukanlah di sebelah Barat sebagaimana pendapat golongan yang pertama tadi; dan bukanlah orang-orang Greek sebagai pelopor dalam menciptakan falsafah dan melahirkan ke alam dunia ini. Pendapatnya ini diuraikan dengan panjang lebar dalam sebuah kitabnya yang amat masyhur. Di dalam kitabnya itu, tidak ketinggalan diterangkan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat ahli falsafah yang kenamaan dan menghuraikan kedudukan falsafah orang-orang Mesir Purbakala, dan juga diberi kupasan dengan falsafah orang-orang Timur lainnya. Pendapat ini, tidak juga ketinggalan mendapat sokongan dari ahli-ahli falsafah baharu, lebih-lebih lagi sarjana-sarjana tārikh dalam kurun yang kedua puluh telah berpendapat bahawa ilmu

falsafah dan peradaban dunia adalah bersumber dari Timur.

Ini, ialah setelah lahirnya kajian-kajian dari kesan-kesan

lama yang pernah dilakukan oleh ahli-ahli sejarah seperti

yang telah dilakukan di Mesir dan Babel.

Sekarang ini terbentang di hadapan kita dua pendapat,

satu ke Timur dan satu ke Barat. Supaya dapat kita

mengikuti hal ini dengan jelas, baik rasanya kita

mengikuti alasan-alasan mereka dengan serba ringkas iaitu

dengan mengetahui peradaban dan perkembangan fikiran orang-orang

purbakala. Semoga dengan ini dapatlah kita menyelami

kedua-dua pendapat itu dan mengetahui setakat manakah

kebenaran mereka dalam menegakkan alasan masing-masing. Lebih

dahulu, marilah kita mengikuti alasan-alasan mereka yang

berpihak ke Timur iaitu dengan mengkaji tamadun-tamadun dan

mengetahui serba sedikit tentang perkembangan orang-orang

Timur purbakala.

Ahli-ahli sejarah telah mengaku bahawa orang-orang Timur

lebih dahulu daripada orang-orang Barat (Greek) menciptakan

kemajuan yang tinggi-tinggi dalam segenap jurusan ilmu

pengetahuan, peradaban, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.



Pelajar-pelajar Kolej Islam Malaya, Klang, dari Asrama "F" bergambar ramai untuk kenangan-kenangan perpisahan

kepada saudara Zainuddin Haji Ali. Pengenalan duduk dari kiri: Haji Nik Wan (Terengganu), Muhyiddin

Khir (Johor), Zainuddin Haji Ali (Perak - yang diraikan), Abu Bakar Chu (Pahang) dan Fadhil Haji

Abdullah (Seberang Perai). Berdiri (dari kiri): Hassan Salleh (Kelantan), Sufian Muhammad (Perak),

Nik Abdul Rahman (Pahang) Salleh Yusuf (Johor), Abd Manaf Hamid (Negeri Sembilan), Yusuf Nur

(Terengganu) dan Ghazali Alwi (Melaka). - Kiriman imej.

Orang-orang Barat pada masa itu masih lena dalam kejahilan dan meraba-raba dalam gelap-gelita. Kehidupan mereka masih jakun dan serba kekurangan dan mundur.

Dengan secara ringkas dapatlah kita memberi sedikit gambaran bahawa dengan secara praktikal orang-orang Mesir purbakala telah dapat menciptakan beberapa cawangan ilmu pengetahuan seperti ilmu hisab, geometri, algebra, ilmu-ilmu kimia dan lain-lain lagi. Hal ini telah diperkuatkan oleh angka-angka berkenaan dengan ilmu hisab yang tertulis di atas daun burdi (sejenis daun di negeri Mesir) semenjak 30 kurun yang lampau, masih tersimpan dengan baik di sebuah sekolah gambar di Britain hari ini.

Sebagaimana yang telah maklum bahawa orang-orang Babylon, dan Chaldean adalah yang pertama mengetahui berkenaan dengan cakerawala langit (*ajrām samāwiyyah*) dan merekalah yang menciptakan ilmu falak, membahagikan masa kepada 24 jam sehari semalam dan menciptakan berbagai ilmu pengetahuan yang memegang peranan penting dalam dunia moden hari ini. Orang-orang Babylon telah masyhur dalam ilmu falak hingga dapat mereka gunakan bintang-bintang di langit sebagai panduan dalam pelayaran dan mereka mempelajari dan mengkaji tentang perjalanan dan pergerakannya. Mereka telah membahagikan "tahun" kepada dua belas bulan. Tiap-tiap bulan, sebanyak 30 hari, dan setahun selama 360 hari. Begitu juga mereka telah mengetahui gerhana matahari dan bulan. Farrington (ahli falsafah) telah menyatakan bahawa orang-orang Babylon telah mengkaji berkenaan dengan ilmu falak selama beberapa tahun yang panjang dengan tidak berselang. Kajian-kajiannya itu adalah sangat halus dan mendalam hingga menjadi sumber ilmu falak kemudiannya.

Adapun orang-orang Mesir, maka mereka jadikan setahun sebanyak 365 hari iaitu dengan ditambah selama 5 hari lagi lalu mereka menamakannya "Hari Langit" atau "Hari Suci" yang dijadikan hari perayaan dan bersuka ria. Orang-orang Mesir juga telah masyhur dalam ilmu hisab. Buktinya kita dapat binaan-binaan ihrām yang masih berdiri dengan kukuh pada masa ini. Ini menunjukkan mereka mempunyai pengalaman luas dalam ilmu geometri. Ahli-ahli sejarah pada masa akhir-akhir ini menyatakan bahawa ilmu hisab orang-orang Mesir pada daun "burdi" adalah menunjukkan bahawa mereka telah mengetahui ilmu hisab seperti campur, tolak, kali, bagi³ dan sebagainya – sekalipun dianggap oleh Bertrand Russell bahawa ilmu hisab orang-orang Mesir purbakala hanya sebagai hitungan dengan jari sahaja.

Thales sebagai bapa ahli-ahli falsafah bangsa Yunani

Sudahkah tuan membaca:

Surat Menyurat

Disusun oleh Edrus – mengandungi hal ehwal pejabat surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-surat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-tama buku mengenai surat menyurat di dalam Bahasa Melayu huruf Jawi, yang lengkap kandungannya.

Senaskhah \$1.80 Pos 20 Sen

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah Jawi.

³ Perkataan yang tepat ialah bagi

sendiri mempelajari ilmu falak dari orang-orang Babylon hingga dapat ia meramalkan gerhana matahari sebelum terjadinya iaitu kebetulan pada 28 Mei 585 (S.M.). Kemudian ilmu-ilmu itu dihambur dan disebarluaskan oleh Thales di negerinya (Yunani) dan banyaklah pula ditambah dengan ilmu Hisab ciptaan-ciptaannya sendiri berasaskan kepada ilmu-ilmu yang telah dipelajarinya. Bukan sahaja Thales yang mempelajari ilmu pengetahuan dari orang Mesir, tetapi juga Pythagoras dan Aflatūn⁴ tidak ketinggalan menjadi murid kepada pendita-pendita Mesir.

Berkenaan dengan tulis-menulis telah diciptakan oleh orang-orang Mesir purbakala semenjak 4000 (S.M.) dan diikuti pula oleh orang-orang Mesopotamia tak berapa lama kemudian. Orang Mesir mempunyai tulisan yang dibentuk mengikut sesuatu yang digambarkan (tulisan gambar) iaitu disebut tulisan Hieroglyphs mereka tidak mempunyai huruf-huruf yang tertentu seperti keadaan yang ada sekarang ini. Mereka telah diakui oleh ahli-ahli sejarah bahawa mereka lah orang yang pertama membuat buku-buku dengan berkertaskan daun-daun papyrus. Walau bagaimanapun sebagai rangka pertama sudah mencukupi tulisan gambar dan daun “burdi” atau “Papyrus” sebagai kertas menunjukkan kemajuan orang-orang Mesir purbakala telah tinggi. Hal ini tentulah mengagumkan dan besar erti nyata dalam sejarah perkembangan fikiran manusia dalam peringkat permulaan.

Semenjak Nabi Allah Ibrahim sampai di Mesir, orang-orang Mesir telah beribu-ribu tahun berumah tangga di lembah Sungai Nil dan mempunyai perusahaan dan peradaban yang tinggi. Meni (Menes) ialah seorang raja Mesir yang adil dan besar takluk jajahannya bersemayam di istana yang cantik, dikelilingi oleh taman-taman bunga yang indah. Bukan sahaja

bahagian darat yang menjadi takluk jajahannya, tetapi juga termasuk laut, oleh kerana besar kerajaannya dan kuat pengaruhnya maka ia bergelar “Firaun” iaitu bererti Lelaki yang Terhormat. Meni sentiasa menumpukan tenaganya ke arah membentuk negaranya sebagai sebuah negara yang maju dan terkenal, ia bercita-cita untuk menjadikan Mesir sebuah negara yang makmur, aman dan berdaulat. Ia telah membina sebuah kota yang cantik, terletak tak berapa jauh dari Sungai Nil kota ini dinamakan *Manaf* atau Memphis iaitu sebuah bandar besar sekali yang tertua sekali di dunia. Di sana bertaburan tempat-tempat ibadat yang cantik-cantik dicat dengan beraneka warna. Ini, menunjukkan bahawa kesenian dan peradaban Mesir telah sampai kepada mercu ketinggian. Ia telah menggubal undang-undang untuk meneguhkan kedudukan negara supaya tidak terancam oleh pengaruh-pengaruh politik yang boleh mengancam ketenteraman negaranya, lalu ia membentuk sesebuah negara kesatuan yang terdiri dari dua bahagian iaitu negara Mesir Hulu dan Mesir Hilir. Di antara undang-undang negara kesatuan itu terdapat: Memberi jaminan dan perlindungan kepada kebudayaan, meliputi kesenian, bahasa dan tulisan. Ini ialah bertujuan untuk menjaga taraf kedudukan peradabannya dan supaya lebih tinggi dari semasa ke semasa. Pada waktu pemerintahannya itu ilmu pengetahuan dan agama telah memegang peranan yang terpenting.

Segala apa yang kita bicarakan di atas semuanya menunjukkan peradaban orang-orang Mesir purbakala telah mencapai ketinggian dan proses fikiran mereka telah pun menuju ke tingkat falsafah. Tidak hairanlah kalau mereka yang berpihak ke Timur bermati-matian mengatakan bahawa asal-usul ilmu falsafah adalah timbulnya di Timur dan Mesir adalah menjadi pusat peradaban seluruh dunia.

-bersambung

⁴ merujuk kepada Plato